

Definisi Kepimpinan dan Pembentukan Pemimpin

Abstrak

Bidang kepimpinan telah dikaji secara meluas, namun masih terdapat persoalan-persoalan yang tidak terjawab tentang mengapa sesetengah pemimpin itu berjaya manakala yang lain tidak. Penemuan terkini pengkaji kepimpinan dari pelbagai latar belakang budaya melaporkan dapatan-dapatan yang bersifat spesifik kepada konteks, selain perbezaan gaya kepimpinan pemimpin lelaki dan wanita. Kebanyakan kajian kepimpinan memfokuskan kepada faktor-faktor penentu keberkesanan kepimpinan dari aspek ciri dan sifat pemimpin, sumber kuasa, dan situasi dalam mempengaruhi pengikut ke arah pencapaian objektif pasukan. Berdasarkan premis-premis di atas, kertas ini melaporkan hasil temubual kumpulan fokus dari dua kumpulan pemimpin wanita di Malaysia, iaitu (1) pemimpin peringkat pertengahan dan peringkat tinggi, dan (2) pemimpin akar umbi. Temubual kumpulan fokus yang dijalankan bertujuan untuk memahami latar belakang serta pengalaman kepimpinan responden serta mendapatkan pandangan mereka mengenai definisi kepimpinan dan pembentukan pemimpin yang berkesan. Hasil temubual kumpulan fokus mendapati empat tema utama yang dikongsikan oleh responden, iaitu (1) definisi pemimpin dan kepimpinan, (2) keperluan dan motivasi untuk menjadi pemimpin, (3) ciri-ciri pemimpin yang ideal, dan (4) pendekatan terbaik untuk melatih pemimpin wanita peringkat akar umbi. Dapatan daripada dua temubual fokus ini akan dijadikan asas bagi pembinaan modul latihan kepimpinan wanita di peringkat akar umbi.

Kata kunci :

pemimpin, gender, pemimpin akar umbi, latihan kepimpinan, pemerkasaan wanita